



PETIKAN AKHBAR

HPC bakal wujudkan 50,000 penempatan pekerjaan, peluang jana pendapatan - Saravanan

PETIKAN AKHBAR | 06 APRIL 2021



KUALA LUMPUR, 6 April -- Portal Pusat Penempatan HRDF (HPC) menyasar untuk mewujudkan 50,000 penempatan pekerjaan dan peluang menjana pendapatan pada tahun ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M. Saravanan berkata bagi mencapai sasaran itu, HRDF atau Pembangunan Sumber Manusia Berhad, akan menjelajah ke seluruh negara untuk menjalinkan kerjasama dengan majikan, persatuan majikan dan rakan strategik kerjaya.

“Jadi rakyat Malaysia boleh akses kepada 20,000 pekerjaan menerusi portal HPC mulai hari ini,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan portal berkenaan di sini yang turut dihadiri Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Semalam, Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin berkata beberapa syor akan dikemukakan kepada KSM, antaranya menyarankan atau mewajibkan majikan memberi cuti kepada pekerja untuk mendapatkan vaksin mereka.

Selain itu, Saravanan juga meminta golongan belia khususnya yang sedang mencari pekerjaan agar tidak memilih pekerjaan ketika negara berdepan dengan pandemik COVID-19 dan tidak menjadikan menganggur satu budaya dalam komuniti negara ini.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata pelancaran HPC, kolaborasi sektor awam dan swasta akan diinstitusikan, bersama mewujudkan peluang pekerjaan dan penting dalam meningkatkan tenaga kerja berdasarkan keperluan pekerjaan dengan menyediakan peningkatan kemahiran dan latihan kecekapan yang diperlukan.

"HPC akan melengkapkan dan menyokong inisiatif Majlis Pekerjaan Negara untuk mencapai objektifnya pada akhir tahun ini. Insya-Allah, ia juga akan membantu meningkatkan purata pendapatan isi rumah rakyat Malaysia, seterusnya meningkatkan pasaran tenaga kerja negara," kata Tengku Zafrul.

[Bernama](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BAJET 2022](#)

[COVID-19](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[TMK 1](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[PENJANA](#)

[PRIHATIN](#)

[TEAM MOF](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[HARGA MINYAK](#)